



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI APRIL 2023

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdausz
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP RND
UKP BUP
UKP BPPT
UKP BTM
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan April 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan April. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



PROGRAM KETUK-KETUK RAMADAN 1444H INSTUN

Separang Ramadan

Separang bulan Ramadan 1444H, sejumlah empat (4) siri Ketuk-Ketuk Ramadan telah dianjurkan oleh Seksyen Hal Ehwal Islam dengan kerjasama dari semua bahagian di INSTUN, Kelab INSTUN, PUSPANITA INSTUN dan tidak ketinggalan juga tajaan rempah ratus istimewa dari Syarikat Adabi.

Pelbagai menu Ramadan telah disediakan iaitu Bubur Jagung, Bubur Pulut Hitam, Bubur Cha-Cha dan Bubur Lambuk. Siri 4 Ketuk-Ketuk Ramadan telah diakhiri dengan penyediaan Biskut Raya Cornflakes Crunchy istimewa dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN.

Dalam bulan Ramadan, kita sebagai umat Islam digalakkan untuk mengikuti salah satu sunnah Baginda SAW iaitu memberi makan kepada orang yang berpuasa. Imam Izzuddin Al Izz bin Abd al-Salam ada menjelaskan tentang kelebihan memberi makan kepada orang yang berpuasa:

"Sesiapa yang memberi makan kepada 36 orang yang berpuasa dalam separang tahun, maka dia akan mendapat pahala berpuasa selama setahun."

[Rujukan: Maqasid al-Saum, Izz Abd al-Salam (Hlm. 18)]

Allah SWT telah menjanjikan 10 ganjaran pahala buat hambaNya yang berbuat kebaikan, berdasarkan surah Al-An'am ayat ke-160 yang bermaksud:

مَنْ جَاءَ بِالْخَيْرِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا

Maksudnya: "Sesiapa yang melakukan suatu kebaikan maka baginya sepuluh ganjaran pahala..."

INSTUN mendoakan mudah-mudahan setiap amalan, sumbangan tenaga dan wang ringgit yang diberikan warga INSTUN separang program ini menjadi asbab untuk kita semua dimasukkan ke syurga ALLAH SWT kelak.



BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI APRIL 2023



KURSUS DALAM TALIAN: ASAS PENGAMBILAN TANAH BILANGAN 2

3 April 2023 (Isnin)


AKTIVITI	: Kursus Dalam Talian: Asas Pengambilan Tanah Bilangan 2
TARIKH	: 3 April 2023
TEMPAT	: Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tanah
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 84 orang pegawai dari pelbagai agensi di pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kemahiran mengenai aspek pengambilan tanah. Penceramah jemputan En Ahmad Shahrizal bin Abd Munib dari JKPTG Ibu Pejabat Putrajaya.



KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSN HARTA PUSAKA DI BAWAH AKTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955

11 Hingga 13 April 2023 (Selasa-Khamis)

AKTIVITI	: Kursus Dalam Talian: Pengurusn Harta Pusaka di Bawah Akta Pusaka Kecil (pembahagian) 1955
TARIKH	: 11 hingga 13 April 2023
TEMPAT	: Secara Dalam Talian Zoom Meet
RINGKASAN PROGRAM	: Kursus ini telah dihadiri seramai 88 orang pegawai dari pelbagai agensi dari pentadbiran persekutuan dan negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan pengurusan harta pusaka kecil. Seramai 8 penceramah jemputan Pegawai Pusaka di Bahagian Pusaka Kecil JKPTG telah memberi ceramah kursus.





PROGRAM KETUK-KETUK RAMADHAN 1444H INSTUN

12 April 2023 (Rabu)

AKTIVITI : Program Ketuk-Ketuk Ramadhan 1444h Instun

TARIKH : 12 APRIL 2023 / 21 RAMADAN 1444H

RINGKASAN PROGRAM :

Bagi menyemarakkan kemuliaan bulan Ramadan pada tahun 2023 ini, BUP dan BPP telah bergabung tenaga dalam menjayakan program kelolaan Seksyen Hal Ehwal Islam INSTUN yang diadakan di Bilik Dapur Domestik INSTUN.

Menu yang dimasak dan diagihkan kepada seluruh warga INSTUN terdiri daripada bubur pulut hitam dan bubur caca. Aktiviti memasak secara gotong royong ini bermula seawal jam 9:00 pagi dan pengagihan dilakukan pada jam 12:30 tengah hari.

Aktiviti memasak yang dilakukan secara beramai-ramai ini merupakan kegiatan tahunan di bulan Ramadan oleh kakitangan INSTUN sebagai suatu usaha meraikan bulan Ramadan dan menghubungkan silaturrahim dalam kalangan warga INSTUN.



MAJLIS RUKYAH HILAL SYAWAL 1444H

20 April 2023 (Khamis)

AKTIVITI : Majlis Rukyah Hilal Syawal 1444h

TARIKH: 20 APRIL 2023 / 29 RAMADAN 1444H

RINGKASAN PROGRAM:

Suatu majlis anjuran Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPK) bersempena penentuan bulan syawal 1444H sebagai penetapan Hari Raya Aidilfitri telah disertai oleh tiga (3) orang wakil Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN. Lokasi cerapan hilal berkenaan bertempat di Baitul Hilal, Pasir Panjang, Segari, Manjung Perak.

Aturcara dimulai dengan taklimat Rukyah Hilal Syawal yang diadakan di Surau Baitul Hilal oleh al-Fadil Ustaz Faizal bin Jani selaku Pegawai Falak di Jabatan Mufti Negeri Perak. Seterusnya, para tetamu yang terdiri daripada orang besar Jajahan (OBJ) Negeri Perak, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri telah diiringi oleh SS Dato Mufti Negeri Perak, Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh menuju ke lokasi Cerapan Rukyah Hilal.

Walaubagaimanapun pengumuman rasmi ketidaknampakan hilal syawal diumumkan oleh SS Dato' Mufti Perak pada jam 7.35 malam selepas anak bulan tidak kelihatan atas faktor alam.



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI APRIL 2023



KURSUS ICT AWARENESS AND READINESS PROGRAMME (ICTARP)

4 Hingga 6 April 2023 (Selasa-Khamis)

Tajuk : Kursus ICT Awareness And Readiness Programme (ICTARP)

Tarikh : 4 – 6 April 2023 (Selasa – Jumaat)

Lokasi : Secara Dalam Talian (Pelantar Zoom)

Penglibatan : 4 Orang Penceramah BTM

Ringkasan Program :

Program ICT Awareness and Readiness (ICTARP) merupakan kursus anjuran MAMPU dengan kerjasama INTAN dan INSTUN bagi Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) Khas Untuk Penyandang (KUP) FA29.

Seramai 70 orang peserta yang meruapakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dari pelbagai agensi telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah diadakan selama tiga (3) hari iaitu pada 4 – 6 April 2023.


Kursus ini melibatkan empat (4) orang penceramah daripada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) INSTUN iaitu Ts. Aiesa bin Saad, Pn. Hajah Syazleena binti Haji Yahya, Pn. Nur Faiezah binti Mohamad Hanafiah dan Pn. Nor Adila binti Rahmad.



Rangka Kerja Pengurusan Rangkaian

FCAPS

- Model komprehensif untuk pengurusan rangkaian daripada Open Systems Interconnect (OSI) Systems Management Overview standard (ISO 10040).
- Akrônim untuk –
 - > Fault Management,
 - > Configuration Management,
 - > Accounting Management,
 - > Performance Management,
 - > Security Management.
- Digunakan sejak 1980.





BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI APRIL 2023

AUDIT PEMANTAUAN SIRIM ISO/IEC 27001:2013 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

10 Hingga 11 April 2023 (Isnin-Selasa)

Tajuk : Audit Pemantauan SIRIM ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)

Tarikh : 10 – 11 April 2023 (Isnin – Selasa)

Lokasi : Pejabat Bahagian Teknologi Maklumat, (BTM)

Penglibatan : INSTUN dan SIRIM QAS Sdn Bhd

Ringkasan Program :

Sesi Audit Pemantauan SIRIM Bagi ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS) telah dilaksanakan selama 2 hari iaitu pada 10 – 11 April 2023 bertempat di Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN. Juruaudit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang terlibat dalam sesi audit pada kali ini ialah Puan Nur Eliana binti Abdul Razak.

Audit Pamantauan ini merangkumi skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Pusat Data dan Sistem Pengurusan Kursus INSTUN (eSPEK). Audit pemantauan pada kali ini merupakan audit pemantauan yang pertama selepas Audit Persijilan Semula pada Tahun 2022.

Juruaudit merumuskan bahawa sistem pengurusan keselamatan maklumat yang dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN telah memenuhi keperluan standard ISO /IEC 27001:2013 dan telah disyorkan untuk diteruskan pensijilan tanpa persijilan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Juruaudit yang telah memberikan komitmen tinggi dalam melaksanakan sesi audit pada kali ini serta tahniah dan syabas diucapkan kepada semua Pasukan Pelaksana ISMS di BTM dan Seksyen Keselamatan yang begitu komited memberikan kerjasama dalam membuat segala persediaan bagi memastikan sesi audit berjalan lancar dan selesai dengan jayanya.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



BULANAN : EDISI APRIL 2023

MESYUARAT BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BIL.2/2023

11 April 2023 (Selasa)

Tarikh : 11 April 2023
Tempat : Bilik Mesyuarat Persidangan, Anjung INSTUN
Masa : 9.30 pagi

Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) telah diadakan dengan jayanya bagi kali kedua pada tahun ini di Bilik Mesyuarat Persidangan, Anjung INSTUN.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian BPP, Encik Khairil Akhtar bin Ghazali dan telah dihadiri oleh kakitangan BPP seramai 14 orang.

Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk membentangkan gerak kerja setiap seksyen dan membincangkan bersama isu-isu semasa di bahagian agar tugas dapat berjalan dengan lancar.



MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) TAHUN 2023

17 April 2023 (Isnin)

Tarikh : 17 April 2023
Tempat : Bilik Mesyuarat Persidangan, Anjung INSTUN
Masa : 9.30 pagi

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2015 sejak tahun 2015. Sehubungan itu, INSTUN telah melaksanakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang dipengerusikan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim yang merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi pada setiap tahun.

Antara jemputan yang hadir ialah Ketua-Ketua Bahagian, Unit Khidmat Pengurusan (UKP) serta Ketua Seksyen Pentadbiran dan Kewangan bagi membincangkan kesemua aspek penambahbaikan proses dan pengurusan INSTUN secara keseluruhan.

Objektif mesyuarat ini adalah untuk melihat pencapaian serta menilai prestasi keberkesanan pengurusan di INSTUN.

Antara agenda utama yang dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Maklum Balas Khidmat Pelanggan
2. Pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti
3. Dapatkan Sesi Audit Pemantauan SIRIM 2022 dan Sesi Audit Dalaman INSTUN 2023
4. Kecukupan Sumber INSTUN



SESI PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBK)

7 April 2023 (Jumaat)

Tahniah diucapkan kepada semua pegawai INSTUN yang menerima surat kenaikan pangkat secara TBK pada hari ini yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Teruskan bersama-sama #MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran demi INSTUN tercinta!

1. Puan Rohani binti Hassan, Pen. Peg.Teknologi Maklumat Gred FA38(TBK)
2. Puan Noorfarah Aqella binti Suhaimi, Setiausaha Pejabat Gred N32(TBK)
3. Puan Junainah binti Abd Rahman, Setiausaha Pejabat Gred N32(TBK)
4. Puan Erni Safura binti Awang, Setiausaha Pejabat Gred N32(TBK)
5. Puan Nurul Jannah binti Supian, Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N22(TBK)
6. Encik Raja Azrol Hisham bin Azhar, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
7. Rosmaizura binti Mohamed Razali, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
8. Puan Raihana binti Ismail, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
9. Puan Derwina binti Daud, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
10. Puan Nurisma binti Alias, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
11. Puan Norhafisah binti Abdul Ghani, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)
12. Puan Hairina binti Ponichan, Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22(TBK)
13. Encik Nadzmee bin Abd Hamid, Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22(TBK)
14. Puan Norlizawati binti Khalid, Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22(TBK)
15. Puan Norlailati binti Khalid, Pembantu Penyediaan Makanan Gred N22(TBK)

Terima kasih kepada Pejabat Pengarah, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan semua yang terlibat.



KURSUS ICT AWARENESS AND READINESS PROGRAMME (ICTARP)

7 April 2023 (Jumaat)

Sempena dengan penganjuran program Ihya Ramadan INSTUN, satu program istimewa untuk penghuni Taman Seri Puteri, Batu Gajah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan pada tanggal 16 Ramadan.

Program Ziarah Mahabbah ini bertujuan untuk menyantuni penghuni dan warga kerja Taman Seri Puteri, Batu Gajah. Turut hadir ialah Pengarah INSTUN bersama Pengurusan Tertinggi, Timbalan Pengarah JKM Perak, Pengetua dan warga kerja Taman Seri Puteri, wakil AKRAB INSTUN dan PUSPANITA INSTUN.

Selain acara berbuka puasa dan solat berjemaah, turut diadakan ialah aktiviti ringkas Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama para penghuni yang dikelolakan AKRAB INSTUN. Asbab Ramadan yang penuh keberkatan, INSTUN turut menyampaikan sedikit sumbangan yang diharapkan dapat membantu para penghuni menjelang musim perayaan ini.



Kunjungan ini sesungguhnya telah memberi kesedaran kepada kita akan kepentingan untuk sentiasa menginsafi dan menjaga ahli keluarga sebaik-baiknya. Semoga impian setiap penghuni Taman Seri Puteri dimakbulkan Allah S.W.T agar mereka berpeluang untuk menikmati masa depan yang lebih cerah.

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

BULANAN : EDISI APRIL 2023



MAJLIS KHATAM AL-QURAN INSTUN 1444H/2030M

14 April 2023 (Jumaat)

Menginjak ke 23 Ramadan, Dewan Kuliah Utama INSTUN telah diundahkan dengan alunan bacaan Al-Quran dari 38 orang warga INSTUN yang terlibat dengan aktiviti Tadarus Al-Quran sepanjang Ramadan kali ini. Majlis turut diserikan dengan sesi penyampaian sumbangan tunai dari Kelab INSTUN kepada warga INSTUN yang terpilih bagi meringankan beban menjelang musim perayaan kelak. Keceriaan majlis pagi ini turut terserlah hasil sentuhan dan dekorasi pentas dari team dekorasi PUSPANITA INSTUN.

Seksyen Hal Ehwal Islam merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi INSTUN, Surau As Sakinah, PUSPANITA INSTUN, AKRAB INSTUN, Kelab INSTUN INSTUN, Jawatankuasa Induk Program Ihya Ramadan INSTUN 2023 serta seluruh barisan urusetia dan warga INSTUN yang telah bertungkus lumus dan setia memberikan sokongan dalam menjayakan Majlis Khatam Al-Quran khususnya dan program Ihya Ramadan 2023 INSTUN secara umumnya.

Semoga setiap amalan dan ibadah kita pada Ramadan kali ini mendapat ganjaran dari Yang Maha Esa dan moga Allah izinkan kita semua untuk bertemu lagi di Ramadan akan datang.



Tahukah Anda

Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akaun akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
- Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
- Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.